

**PM lulus RM150,000 bantu persatuan pemandu kereta sewa  
Utusan Online  
October 16, 2011**

PASIR PUTEH 16 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meluluskan peruntukan sebanyak RM150,000 bagi membantu Persatuan Pemandu Kereta Sewa Pasir Puteh membeli tanah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) agar mereka kekal beroperasi di bandar ini.

Bantuan itu disampaikan oleh Ketua UMNO bahagian, Zawawi Othman kepada Pengerusi persatuan berkenaan, Abdul Rahman Samat di sini, hari ini.

Zawawi berkata, penyerahan cek itu bukti Kerajaan Persekutuan tidak pernah mungkir janji dan sentiasa prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat di semua peringkat.

Beliau berkata, Perdana Menteri pada kunjungannya 2 Julai lalu, telah berjanji membantu persatuan tersebut yang tidak mempunyai tapak untuk beroperasi selepas gagal membayar sewa tapak yang dikatakan akan dijual untuk dibangunkan dengan pusat komersial.

"Sebelum ini, pihak persatuan telah menerima surat daripada PKINK supaya mencari lokasi lain dengan alasan kawasan itu akan dibangunkan dengan projek pembangunan komersial.

"Tindakan itu menimbul kegelisahan pemandu kereta sewa sehingga terpaksa mengemukakannya kepada Perdana Menteri," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian cek berkenaan di sini, hari ini.

Zawawi turut mencabar kerajaan Pas Kelantan supaya turut membantu persatuan itu dengan memberi pemilikan tanah secara percuma sesuai dengan slogan 'negara berkebakikan' yang diuar-uarkan oleh pemimpin Pas.

"Kerajaan negeri tidak sepatutnya menjual aset berkenaan kepada rakyat. Ia boleh diluluskan secara percuma demi kepentingan ramai dan pembangunan setempat. Sebagai kerajaan, sepatutnya mereka mempermudah bantuan dan bukannya mengenakan syarat iaitu kadar bayaran yang tinggi," katanya.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, pihaknya amat berterima kepada Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau membantu persatuan yang dianggotai oleh pemandu kereta sewa berpendapatan rendah, terus beroperasi di bandar itu.

"Bukan sekadar penerimaan cek hari ini memberi keselesaan kepada kami untuk terus beroperasi tetapi Bajet 2012 yang dibentangkan baru-baru ini juga banyak memberi pembelaan kepada pemandu kereta sewa di seluruh negara," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1017&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_17.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1017&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_17.htm)